



## SIARAN AKHBAR

### INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI OGOS 2024

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau *Business Sentiment Index (BSI)* Negara Brunei Darussalam bagi bulan Ogos 2024. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 sektor ekonomi, di kesemua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi di dalam negara.
3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
4. Indeks utama BSI, iaitu **Sub-indeks Keadaan Perniagaan** adalah 50.2 bagi Ogos 2024. Ini menunjukkan bahawa, secara amnya, keadaan perniagaan dijangka lebih baik pada Ogos 2024 berbanding dengan Julai 2024. Walaupun pendapat yang berbeza direkodkan di kalangan sektor yang berlainan, peniaga secara keseluruhan menjangka keadaan perniagaan akan bertambah baik dengan permintaan yang lebih tinggi untuk barang dan perkhidmatan serta projek-projek baharu pada Ogos 2024. Sementara itu, beberapa perniagaan juga mengongsikan kebimbangan tentang prestasi perniagaan dengan jangkaan bahawa para pengguna akan melancong ke luar negara semasa cuti persekolahan penggal kedua. Indeks bagi satu bulan ke hadapan berada pada tahap 50.3, menunjukkan perniagaan berpandangan optimistik dengan jangkaan peningkatan tahap pengeluaran dan aktiviti pasaran, serta projek-projek yang akan datang pada September 2024.
5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.1 bagi Ogos 2024, 50.1 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.3 bagi tiga bulan ke hadapan. Seperti sentimen pada bulan-bulan sebelumnya, perniagaan akan terus

meningkatkan tahap pelaburan pada Ogos 2024 dan merancang untuk meneruskannya dalam beberapa bulan akan datang. Ini termasuk penambahan stok, penaiktarafan infrastruktur IT, pembinaan kemudahan baharu, kerja-kerja pemindahan dan pengubahsuaian, pembukaan cawangan baharu, serta pembelian berkaitan dengan keperluan projek seperti bahan-bahan, peralatan, dan mesin.

6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.3 bagi Ogos 2024 dan 50.2 bagi satu bulan ke hadapan. Meneruskan tren seperti sebelumnya, dan serta usaha mengganti pekerja yang telah berhenti, para peniaga mengongsikan usaha berterusan dalam pengambilan pekerja sepenuh masa dan sambilan untuk memenuhi keperluan operasi dan bagi mendukung rancangan pengembangan dan projek-projek mereka.
7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** adalah 50.3 bagi Ogos 2024 dan juga bagi satu bulan ke hadapan. Peniaga melaporkan kos perniagaan yang lebih tinggi pada Ogos 2024 disebabkan oleh jangkaan peningkatan aktiviti perniagaan serta perbelanjaan gaji dengan penambahan tenaga kerja. Bagi September 2024, kebanyakan perniagaan menjangka kos operasi akan terus meningkat disebabkan beberapa faktor termasuk usaha pembaikan dan penyelenggaraan, pengambilan pekerja tambahan bagi pembukaan cawangan baharu, keperluan projek-projek akan datang, dan rancangan perkembangan perniagaan. Perniagaan juga mengongsikan peningkatan dalam kos penghantaran dan keperluan untuk penambahan stok untuk memenuhi permintaan yang dijangka akan meningkat pada bulan-bulan akan datang.

BSI Ogos 2024	
Keadaan Perniagaan	
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Pelaburan	50.1
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.1
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.3
Pengambilan Pekerja	50.3
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.2
Kos Perniagaan Bulan Ini	50.3
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.3

8. Dari segi **sektor ekonomi**, empat daripada 11 sektor menjangka keadaan perniagaan yang optimistik pada Ogos 2024. Sektor Pengangkutan & Komunikasi menunjukkan sentimen tertinggi dengan indeks 50.7, disebabkan peningkatan dalam permintaan perkhidmatan semasa tempoh cuti persekolahan. Sektor Kesihatan & Pendidikan juga menjangkakan keadaan yang lebih baik berbanding dengan Julai 2024. Pandangan optimistik oleh Sektor Pembinaan didorong oleh projek-projek baharu yang dimulakan pada Ogos 2024, manakala sektor Minyak & Gas dan yang Berkaitan berpandangan positif disebabkan oleh produktiviti yang meningkat. Sementara itu, lima sektor melaporkan sentimen pesimistik pada Ogos 2024, termasuk sektor Hotel & Restoran yang menunjukkan tahap pesimistik tertinggi disebabkan oleh musim cuti persekolahan. Seterusnya, sektor Perdagangan Borong & Runcit dan Kewangan & Insurans menyatakan keimbangan mengenai keadaan pasaran yang semakin lembab dan sektor-sektor Pembuatan, dan Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan menjangkakan keadaan perniagaan lebih

rendah akibat cuaca buruk. Sementara itu, sektor Harta Tanah & Pemilikan Kediaman dan Perkhidmatan Lain melaporkan keadaan perniagaan yang lebih kurang sama seperti Julai 2024.

Keadaan Perniagaan Ogos 2024 Mengikut Sektor	
Pengangkutan & Komunikasi	50.7
Kesihatan & Pendidikan	50.5
Pembinaan	50.3
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.3
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	50.0
Perkhidmatan Lain	50.0
Perdagangan Borong & Runcit	49.9
Kewangan & Insurans	49.9
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	49.8
Pembuatan	49.8
Hotel & Restoran	49.6

9. Dari segi indeks mengikut **saiz perniagaan**, secara amnya, perniagaan bersaiz mikro dan besar menjangka keadaan perniagaan yang lebih baik pada Ogos 2024 berbanding dengan bulan sebelumnya. Ini disebabkan oleh jangkaan peningkatan dalam aktiviti perniagaan yang menyumbang kepada prestasi yang lebih baik bagi Ogos 2024. Sementara itu, perniagaan bersaiz kecil dan sederhana menjangka keadaan perniagaan yang lebih kurang sama dengan Julai 2024.

Keadaan Perniagaan Ogos 2024 Mengikut Saiz	
Mikro	50.1
Kecil	50.0
Sederhana	50.0
Besar	50.2


10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di [www.bdcb.gov.bn](http://www.bdcb.gov.bn). Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

#### Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 22 Rabiulawal 1446H / 26 September 2024M  
Ruj: BDCB/COMMS/3


## LAMPIRAN 1

### Keadaan Perniagaan



**Nota:** Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


### Pelaburan



**Nota:** Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.


Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.

### Pengambilan Pekerja



**Nota:** Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.


### Kos



**Nota:** Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


*Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.*

### BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Ogos 2024



**Nota:** Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

### Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



■ Ogos-20	■ Sep-20	■ Okt-20	■ Nov-20	■ Dis-20	■ Jan-21	■ Feb-21	■ Mac-21	■ Apr-21	■ Mei-21
■ Jun-21	■ Jul-21	■ Ogos-21	■ Sep-21	■ Okt-21	■ Nov-21	■ Dis-21	■ Jan-22	■ Feb-22	■ Mac-22
■ Apr-22	■ Mei-22	■ Jun-22	■ Jul-22	■ Ogos-22	■ Sep-22	■ Okt-22	■ Nov-22	■ Dis-22	■ Jan-23
■ Feb-23	■ Mac-23	■ Apr-23	■ Mei-23	■ Jun-23	■ Jul-23	■ Aug-23	■ Sep-23	■ Okt-23	■ Nov-23
■ Dis-23	■ Jan-24	■ Feb-24	■ Mac-24	■ Apr-24	■ Mei-24	■ Jun-24	■ Jul-24	■ Ogos-24	

**Nota:** Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.